

27/09/1997

Tindakan PM dapat sokongan

Anak Malaysia

TINDAKAN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk tidak berjumpa dengan penyangak ekonomi, George Soros di Hong Kong, amat dialu-alukan dan satu tindakan yang amat bijak. Sesi perjumpaan itu memang senjaga dirancang oleh pihak tertentu untuk menjatuhkan maruah Dr Mahathir di mata dunia sedangkan beliau tidak pernah menetapkan perjumpaan seperti itu.

Dr Mahathir adalah seorang tokoh pemimpin dunia yang amat disegani sedangkan George Soros adalah seorang petualang pasaran saham dan mata wang di beberapa buah negara termasuk Malaysia jatuh dengan mendadak.

Menurut catatan yang dibuat oleh A Nazri Abdullah dalam ruangan Komentari seperti yang disiarkan Berita Minggu, bertarikh 7 September, 1997 George Soros pernah menipu Poland, Russia dan beberapa buah negara Balkan melalui Pertubuhan Soros Foundation dan Society Institute.

Beliau kini sedang melobi Kongres Amerika untuk menghalalkan penjualan dadah kerana beliau memegang falsafah manusia bebas menentukan apa yang dikehendaknya. Adalah mustahil seorang pemimpin dunia yang disegani harus berjumpa dengan seorang penjenayah bagi membincangkan masalah yang sengaja dirancang oleh beliau sendiri.

Negara kita hampir muflis disebabkan jenayah yang beliau lakukan. Jika bukan Dr Mahathir saya percaya negara kita sudah pun menyembah negara Barat untuk meminta bantuan ekonomi.

Walaupun beliau bukan seorang pakar ekonomi, Dr Mahathir begitu memahami selok-belok dan putar-belit mereka. Tidak ada pemimpin di Asia yang berani mengkritik Barat selain daripada beliau.

Jenayah ekonomi dilakukan oleh Soros itu tidak harus dipandang ringan. Serangan yang berbentuk ekonomi tidak jauh bezanya dengan serangan ketenteraan. Lihatlah apa yang terjadi di Albania yang mana rakyatnya memberontak disebabkan kegagalan skim cepat kaya.

Oleh demikian, tidak mustahillah George Soros dilabel oleh Dr Mahathir sebagai seorang penjenayah. Kerajaan Malaysia serta lain-lain negara di Asia yang terkena serangan spekulasi mata wang harus mengambil tindakan undang-undang di mahkamah dunia.

Mereka harus menghormati nilai murni Asia. Tindakan Soros iaitu orang kaya merompak orang miskin tidak dapat kita terima. Cuba bayangkan yang kita berusaha untuk membangunkan ekonomi dengan titik peluh serta air mata selama 40 tahun dan dengan begitu mudah dihancurkan dalam beberapa hari saja.

Dengan itu marilah kita mengambil iktibar daripada malapetaka yang telah berlaku dan sama-sama menjaga kehormatan serta ketahanan diri bagi menangkis segala serangan jahat dari luar.